

# **UGAMA DAN KEWAJIPAN KEPADA MANUSIA**

## **(II)**

### **APA PERLUNYA DIDATANGKAN UGAMA?**

**(OLEH ZA'BA)**

Orang-orang yang mekar dan “kaki pembangkang” harus akan menunjukkan “bebas”nya dengan bertanya: Apakah perlunya didatangkan ugama kepada manusia bagi memandu mereka pada jalan baik dan jahat atau menujukkan mereka kepada arahan laku perangai yang mulia, padahal mereka telah sedia ada diberi akal akan jadi panduan dan pedomannya, dan akal itu boleh membezakan baik dengan jahat, betul dengan salah?? Tidakkah cukup dengan akal itu sahaja bagi memimpin mereka menjalankan kehidupan yang baik dan betul jika mereka suka, bahkan bagi memimpin mereka mencari kebenaran seumumnya?? Semua orang yang tahu dan mengerti adalah mengaku bahawa akal itu suatu perkakas yang amat besar kebolehannya- boleh memeriksa dan menimbang, boleh menyiasat dan menghalusi, boleh mendapat keputusan dengan saksama, boleh memikir-mikirkan kehadian alam, boleh menyelidik rajsia-rahsianya, boleh mencari faham akan hakikatnya- bahkan boleh sampai mendapat hakikat itu dan mengenal wujud Tuhan juga pada kesudahannya. Ugama yang dibawa akan dari Tuhan itu pun tidak akan boleh member guna atau akan boleh difahamkan ajaran-ajarannya dan panduannya itu jika tidak dengan pertolongan akal. Tidakkah ada kata, sekurang-kurangnya dalam riwayat pusaka Islam, yang menyerukan, umpamanya: *al-dīn huwa al-‘aql wala dīn liman la ‘aql lah.* Yakni: ugama itu ialah akal, dan

tidak ada ugama kepada orang yang tiada berakal....?” dan tidakkah betul perkataan itu??

Jawab: Sebenarnyalah sekalian yang dikatakan itu pada umumnya. Tetapi....banyak dan besar tetapnya! Sebenarnyalah manusia ada dikurnia Tuhan akal, tetapi berapa orangkah yang dapat menggunakan akalnya dengan betul, istimewa pada perkara-perkara yang disebutkan oleh penyoal itu??

Ugama yang sebenar adalah datangnya daripada Tuhan sendiri yang disambut Allah dalam perbahasan ugama Islam; dan Tuhan sendiri adalah amat Mengetahui dan lebih Mengetahui daripada sekalian yang lainnya akan kelemahan manusia dan akan segala perkara pun, Maka siasat ugama itu adalah lebih lanjut, lebih jauh dan lebih dalam daripada apa-apa jua siasatan lain yang boleh dimajukan oleh akal fikiran manusia.

Barang apa yang disuruh dengan khasnya pada ugama, tak dapat tidak adalah padanya sesuatu kebijikan yang dimaksudkan, dan barang apa yang dilarangkan dengan sahnya pula pada agama tidak adalah kejahanan padanya yang hendak dielakkan. Maka kebijikan dan kejahanan ini terkadang tiada dapat terfikir dengan tepatnya oleh akal manusia; kerana akal fikiran manusia itu memang berhad pada tabiatnya, dan seberapa jauhnya pun yang ia sampai atau boleh sampai tidaklah juga akan boleh sampai meliputi atau menyamai sebagaimana ilmu Allah

pada mengirakan yang mana baik dan yang mana jahat dengan sebenar-benarnya. Begitulah juga yang mana betul dan yang mana salah. Ghalibnya tidaklah ada pada akal fikiran manusia itu cukup kekuatan dan kuasa yang boleh menyampaikan usaha siasatannya itu kepada sejauh-jauh perhinggaan akan menyelam hakikat-hakikat kejadian berhubung dengan alam ruhani.

Bahkan, biasa kebanyakan orang hanyalah nampak kepadanya barang yang ada pada zahir ala mini jua. Daripada kesakitan dan kesukaan yang jadi perolehan kepada sesuatu pekerjaannya.

Firman Tuhan; *ya 'lamūn ẓāhirā min al-hayā al-dunyā wahum 'an al-akhirat hum ghāfilūn-* (surah al-Rūm 7) ertinya: “mereka ketahui sedikit perkara yang di luar sahaja daripada kehidupan dunia ini; tetapi daripada perkara (rahsia) akhirat mereka tidak perasan.”

Maka sebab itulah diturunkan Allah ugama kepada manusia, iaitu diutuskannya menerusi Rasul-rasul pesuruh yang dipilih-Nya sendiri; dan dengan wa istah ugama iaitu diaturkannya asas-asas pengajaran baik dan jahat, salah dan betul, dengan aturan yang terang dan tiada bersalahan lagi dengan yang sebenarnya. Tiap-tiap yang salah dan jahat itu diletakkannya pada satu pihak, dan tiap-tiap yang betul dan baik pada satu pihak yang lain pula, supaya tiada berkacai dan berkeliruan dan supaya tiada membawa kesamaran kepada neraca fikiran manusia membezakan dan meilih baik daripada jahat apabila neraca itu tersenget oleh dimpit hawa dan “nafsu”.

Kerana sesungguhnya hawa dan keinginan nafsu itu kerap menhimpit dan terkadang mengerasi akan akal fikiran, dan pada ketika itu tiadalah berat kepada fikiran seseorang itu yang mana baik dan yang mana jahat. Maka jika tiada ia mempunyai pengetahuan ugama dan perasaan asuhan ugama yang boleh menunjukkan dan menambahkan yakin kepada-Nya “ini baik dan ini jahat. Ini betul dan ini salah” nescaya kehasilannya orang itu tercebur kepada yang jahat.



Rombongan Pakistan dalam persidangan di Bandung.

kemudian setelah beberapa kali ulang terjadi demikian itu, maka kejahatan itu pun mesralah jadi tabiat kepadanya. Pada ketika itu tetaplah orang itu di situ, dan jika tiada ia berpaling kembali (taubat) kepada jalan yang betul nescaya keadaannya akan bertambah jatuh, yang menjadikan dia semakin rendah dan semakin rosak pada pandangan umum istimewa pula pada pandangan orang-orang yang sukakan kebijakan.

Maka hendak menhindarkan daripada kejahatan dan melorongkan kepad akebijakan dengan yakin bagi maslahat manusia iniah satu daripada tujuan dan maksud yang terbesar sekali maka telah diutuskan ugama kepada manusia. Dengan ibarat yang lain ugama telag dibawakan kepada manusia ialah supaya menerangkan kepadanya jalan-jalan kebenaran dan kebetulan berlawan dengan jalan-jalan kejahatan dan kesalahan- supaya mengukuh dan mengesahkan pendapatan akal fikirannya pada perkara jahat baik yang mudah dan sedia terangm dan supaya menerangi serta memimpin akal fikiran itu pada

(sambungan pada muka 26)

tempat-tempat yang gelap dan sukar perjalanannya.

Seperkara lagi hendaklah diingat bahawa manusia ini pada tabiatnya selalu terasa di dalam dirinya suatu dorongan halus yang menggerakkan dia meraba-raba sentiasa mencari akan Tuhan, dan tiada kurang pula selalunya ia merasa pelik dan ingin hendak tahu apakah yang terjadi kemudian daripada mati. Maka kedua-dua soal ini biasanya tidaklah akan dapat dijawabnya dengan betul melainkan dengan pertolongan ugama. Ia sentiasa sedar, daripada pengalaman dan perhatiannya sendiri, yang dirinya itu bukan suatu kejadian yang boleh berbuat sekehendak hati dengan sepenuh-penuhnya, tetapi banyak tentangannya yang ia tiada upaya berbuat seperti yang ia suka dan tiada dapat beroleh apa yang dihajatkannya. Oleh itu tentulah ada suatu kuasa ghaib yang tertinggi daripada dirinya, bahkan tertinggi daripada sekalian kejadian. Demikian pula ia sentiasa sedar, daripada pengalaman dan perhatiannya bahawa dirinya dan alam yang zahir di sekelilingnya ini bukannya terjadi sendiri atau terjadi dengan tiada berperaturan, tetapi semuanya berlaku mengikut peraturan yang tetap. Demikian lagi ia sentiasa terasa yang dirinya itu bukanlah hanya kejadian semata-mata daripada tubuh badan dan tulang urat yang berdaging darah ini sahaja, tetapi ada lagi bahagian lain daripada dirinya itu yang bersifat halus tiada nampak dipandang dan tiada dapat dipegang-pegang atau difahamkan dengan terang.

Maka sekaliannya perasaan dan kesedaran ini membawa kepada beberapa soal yang lebih penting daripada semata-mata soal berbuat baik dan jahat dan soal kehidupan yang betul dan yang salah atau soal laku perangai hidup di dunia ini sahaja. Soal-soal yang lebih penting ini susah dapat diselesaikan dengan betul jika hanya memakai akal semata-mata. Hasil daripada dua perasaan kesedaran yang mula-mula itu tadi menunjuk kepada adanya suatu kuasa yang terlebih tinggi daripada manusia,

memerintah dan mengaturkan segala halnya – akhirnya ialah suatu kuasa maha besar disebut “Tuhan” yang telah menjadikan manusia dan alam seluruhnya serta mengaturkan dan mentadbirkan sekaliannya itu. Kesedaran yang ketiga itu pula menunjuk kepada adanya suatu benda yang dinamai roh atau jiwa pada pihak badan kejadian manusia; dan adanya itu menerbitkan suatu keputusan yang lain iaitu bahawa hidup manusia ini tidaklah habis dengan mati dan kubur sahaja, tetapi ada lagi akan bersambung dengan kehidupan yang lain sesudah mati itu kelak dinamakan kehidupan “Hari Kemudian” atau kehidupan negeri akhirat. Maka daripada keputusan ini terbit pula suatu keputusan lagi yang mengatakan bahawa manusia adalah bertanggungjawab kepada kuasa maha besar yang telah menjadikan dia itu berkenaan segala perbuatan baik jahatnya – iaitu bertanggungjawab kepadanya di dunia ini dan terutama sekali di hari kemudian kelak.

Demikianlah keputusan yang dapat diagak-agak oleh renungan akal manusia, tetapi tidak ada keterangan dan bukti yang tepat untuk menyokong pendapatannya itu bagi mengesahkan kebenarannya. Maka di sinilah tiba perlunya didatangkan agama kepada manusia bagi membetulkan mana yang salah daripada dugaan akalnya itu dan mengesahkan mana yang betul. Segala ajaran berkenaan dengan perbuatan baik dan jahat, dan segala suruh larangan bagi membaiki laku perangai, yang dibawakan oleh agama itu adalah berkait rapat bahkan berwujud asasnya kepada soal-soal yang penting yang telah dinyatakan ini. Kerana jika sekiranya tidak ada kepercayaan kepada usul-usul yang tersebut itu – iaitu wujud Tuhan, kehidupan akhirat, dan tanggungjawab manusia kepada Tuhan, untuk menerima balasan baik dan jahat – nescara smeuanaya bangunan pengajaran yang menunjukkan jalan baik dan jahat dan menentukan arah-arah kehidupan yang betul dan yang salah itu, walau berapa indahnya sekali pun bangunan itu, tetaplah akan jadi tiada makna dan

tiada dapat berdiri di mana-mana; akhirnya tentu akan roboh terhadam dan remuk redam sama sekali.

Ketiga-tiga soal yang tersebut itu ialah soal-soal yang besar dan dalam, soal-soal yang harus akal manusia boleh tersilap bahkan tersesat mencari keputusannya. Maka oleh sebab tersilap dan tersesat itulah kita dapati selalu ada di mana-mana pun dari dahulu sampai puak-puak manusia yang tiada percaya akan ada Tuhan, dan akan “Hari Kemudian”, dan akan balasan baik dan jahat di “Hari Kemudian” itu kelak. Orang-orang demikian memang selalu ada pada segala umat dan bangsa dari dahulu kala pun hingga sekarang juga. Mereka tiada percaya akan adanya Allah Ta‘ālā. Tuhan yang menjadikan dan mentadbirkan sekalian kejadian, iaitu kepercayaan yang jadi asas dan umbi yang terbesar sekali di dalam segala ugama. Maka dari sebab tidak percaya akan Allah ini tentulah mereka tidak pula akan dapat percaya dua perkara lain yang berturut daripadanya itu. Iaitu kehidupan di akhirat kemudian daripada mati, dan tanggungjawab manusia kepada Tuhannya di atas baik jahat kehidupannya di dunia.

Mereka yang tidak percaya demikian itu ialah hampir semuanya daripada jenis orang yang bertuhankan akalnya semata-mata istimewa pula mereka yang terasuh dengan didikan kebendaan sahaja dan oleh itu maka hidup mereka sentiasa hanya mementingkan kebendaan; perkara-perkara kebendaan itu sedia boleh nampak kepada mata kepala mereka, sedia dapat diuji mereka dengan ujian-ujian yang boleh dibelek dan dipegang-pegang, sedia dapat disaksikan kepada pengalaman mereka yang bernyawa akan kebendaan; dan dari ujian dan persaksian itu dapatlah difahamkan dan disahkan oleh akal mereka yang singkat. Adapun pihak yang disebalik kebendaan itu tiadalah dapat terupa pada akal mereka memikirkannya, kerana tidak ada saksi dan keterangan yang zahir akan membuktikan sebagaimana keadaan benda-benda yang mereka biasa.

Akan tetapi segala ugama yang ada dalam dunia ini pun semuanya membangsakan orang-orang demikian cetek dan bodoh, dan fikiran mereka itu semata-mata dangkal tiada benar. Sebaliknya semua ugama pun ada mengajarkan iktikad “ada Tuhan” dan “ada Hari Kemudian” dan juga “ada tanggungjawab manusia dan balasan kepada baik jahatnya” di “Hari Kemudian” itu kelak, dan terkadang di dunia ini juga. Semua ugama ada mengajar sekalian itu atas satu rupa atau lainnya, begitu atau begini. Semua ugama ada pengajaran mengithbatkan wujud Tuhan, dan hidup kemudian daripada mati serta tanggungjawab kepada Tuhan di sana, walaupun dengan berlain-lain rupa dan coraknya pengajaran itu mengikut berlain-lain ugama. Maka istimewa pula ugama Islam, sangat-sangatlah menguatkan dalam seluruh ajarannya dan seluruh seruannya dari hal ada Allah yang Maha Esa dengan segala kekuasaan-Nya itu, dan dari hal percaya akan negeri akhirat atau kehidupan kemudian daripada mati dengan segala tanggungjawabnya itu. Bahkan oleh sebab tersengat ia menguatkan hal ini hingga dijadikannya perkara ini tunjang terbesar sekali di dalam umbi akaid Islam yang disebut “Rukun Iman”, iaitu rukun yang tak dapat tidak mestinya diperimakan oleh tiap-tiap orang-orang Islam.

Maka ugama yang sebenar itu telah dikurniakan kepada manusia ialah untuk memimpin dia, istimewa pada perkara-perkara yang gelap seperti ini yang susah dapat diterangkan oleh suluhnya akalnya. Dengan demikian dimaksudkan supaya ia terpelihara daripada sesat barat dalam hal mencari kebenaran, dan supaya ia menyediakan dirinya bagi kehidupan negeri akhirat itu dengan mengikut pimpinan dan panduan yang diberi oleh ugama itu bagi melayarkan bahtera hidupnya di dunia ini menurut peta pelayaran yang betul, supaya terpelihara daripada benteng dan batu karang dan lain-lain bahaya dalam pelayaran di laut. Itulah tujuan yang terbesarnya sekali telah diturunkan ugama kepada

manusia.

Dalam pada itu juga orang yang memakai panduan akalnya bagi memikirkan soal ini bukan jenis orang yang terasuh dengan suasana kebendaan semata-mata atau yang telah senget neraca akalnya oleh semangat kebendaan itu, nescaya tidaklah juga mustahil yang akalnya itu akan sampai mendapat keputusan benar – iaitu memutuskan sungguh dan sebenarnya ada Tuhan dan ada “Hari Kemudian”, ada hidup lagi kemudian daripada mati, ada tanggungjawab, dan ada balas baik jahat dalam kehidupan “Hari Kemudian” itu kelak. Bahkan jika akalnya itu berjalan dengan tidak ada keagungan kebendaan, memang tidaklah mungkin sekali-sekali yang ia lambat bangatnya tentu akan sampai kepada keputusan itu juga. Dengan memandang kepada kejadian alam yang ajaib di keliling kita ini tetaplah tiap-tiap akal yang bersih akan mengaku dengan sendiri mengatakan tentu ada Tuhan serta lain-lain perkara ghaib dan kebatinan yang berlayak dengan keadaan wujud Tuhan itu, walau apapun hendak disebut namanya tetapi hakikatnya itu juga.

Maka apabila sudah percaya akan adanya Tuhan nescaya berikutlah daripadanya percaya akan kehidupan akhirat dan tanggungjawab manusia kepada Tuhannya di sana. Kerana sebagaimana akal manusia yang bersih itu tetap akan mengatakan ada Tuhan, begitulah juga ia akan tetap mengatakan bahawa hidup manusia ini tidak boleh habis dengan mati di dunia ini sahaja. Misalnya seorang ahli syair yang masyhur tetapi bukan Islam telah berkata:

*Life is real, life is earnest,*

*And the grave is not its goal,*

*“Dust thou art, to dust returnest”*

*Was not spoken of the soul.*

Ertinya: “Bahwasanya hidup ini ialah perkara yang sebenar dan sungguh-sungguh betul (bukan mimpi atau bermain-main) dan kubur itu bukanlah pintunya yang penyudahan.

Perkataan “Kamu daripada tanah dan kepada tanah kamu kembali” itu hanya ditujukan kepada badan sahaja, bukan ditujukan kepada roh atau jiwa” ..... sekian keputusan daripada pendapatan akal pujangga ini, yang menunjukkan ia beriman akan “Hari Kemudian” menurut keputusan akalnya itu, hingga dapat ia menerangkan tujuan yang tiada terang dalam ajaran nenek moyangnya. Berbanding dengan perkataan itu kita dapat dalam Quran Tuhan tidak memadakan dengan kata: “Kamu daripada tanah dan kepada tanah kamu kembali” sahaja, tetapi ada hubungan lagi, iaitu “Daripada tanah kamu akan dikeluarkan semula”. *Minhā khlaqnākum wa fīhā na ‘Idukum wa minhā nakhrijakum tārati ukhrā-* surah Taha 55).

ertiaya: Daripadanya (tanah) telah kami jadikan kamu, dan padanya Kami kembalikan kamu, dan daripadanya akan Kami keluarkan kamu sekali lagi”. Perkataan Quran ini lebih nyata menunjukkan bahawa mati itu bukanlah penghabisan hidup kita melainkan ada lagi akan berikut kehidupan yang lain kemudian daripada mati kelak dan kita dibangkitkan semula.

Seorang ahli syair Parsi telah menyatakan pihak orang yang tiada percaya akan “Hari Kemudian” itu dengan berkata menurut pendapatan akalnya:

Adakah segala-gala yang diberi oleh kehidupan,

Dan segala yang dikurnia oleh nasib sekalian,

Tidak lebih harganya pada nilaiann,

Daripada debu dan habuk di jalan batu?

Adakah Tuhan telah menghantarkan manusia

Menjalankan kehidupan di dalam dunia

Jika dimaksudkannya kesudahan dia

Hanya akan menjadi habuk sahaja begitu?

Adapun keterangan dari pihak ugama yang menguatkan pendapatan akal itu tidaklah terkira-kira banyaknya jika hendak

diberi, sungguhpun berlain-lain cara difahamkan pengertiannya pada berlain-lain ugama. Tetapi di antara segala ugama maka ugama Islamlah yang terlebih kuat sekali dan terlebih terang menegaskan dari hal ada Allah yang Maha Kuasa dengan keesaan-Nya. Dan dari hal kehidupan di akhirat serta segala yang berhubung dengannya itu, sebagaimana kuat dan terangnya ia menegaskan dari hal amal baik dan jahat dan balasannya. Boleh dikata tiap-tiap ayat di dalam Quran dari permulaan surah al-Fatiha hingga tamat Quran itu adalah dipenuhi oleh semangat ajaran yang telah dibentukkan patinya di dalam rukun iman Islam – iaitu percayakan (ada) Allah, percayakan malaikat-Nya, percayakan kitab-NYa, percayakan Rasul-Nya, percayakan “Hari Kemudian” (hidup kemudian daripada mati), dan percayakan sukatan baik dan jahat daripada Allah.

Tentang kehidupan manusia tidak habis dengan mati

Quran berkata di antara beratus-ratus ayat lain seperti ini:

*Afā hasibtum innamā khalaqnākum ‘abathā? -surah al-Mu’minūn 117),* ertinya: Adakah kamu agak bahawa Kami telah

menjadikan kamu sekalian dengan sia-sia sahja?” .....,

dan: *wa mākhalaqnākum al-samawāt wa al-ard wamā baynahumā la ‘ibīn-* (surah al-Dukhān 38), ertinya: “Dan

tidaklah sekali-kali telah Kami jadikan segala

langit dan bumi dan sekalian yang ada di antara

keduanya itu kerana bermain-main” ....., dan: *inna fī*

*khalqi al-samawāt wa al-ard wakhtilāfi allay wa al-nahār la āyātin li uli al-bāb. Al-dhīn yadhkurūn Allāh qiyāmā*

*wa qa’ūdā wa ‘alā junūbu hum wayataffakarūn fī khalqi al-samawāt*

*wa al-ard: rabbanā mā khalaqta hadhā bā’ tilān-* (surah al-Imran 191), ertinya: Bahwasanya pada kejadian segala langit dan

bumi dan pada perselisihan malam dengan siang itu tentu

sekali ada tanda-tanda pengajaran kepada orang-orang yang bermata

hati. Iaitu orang yang mengingat Allah ketika berdirinya dan

duduknya dan ketika berbaringnya, dan berfikir panjang akan kejadian segala langit dan bumi ini dengan berkata (di dalam hatinya): Hai Tuhan kami! Engkau telah menjadikan sekalian ini tentulah bukan dengan tujuan yang kosong atau sia-sia sahaja”.

Dipendekkan kata bahawa kerana hendak menegaskan perbenarnya ada Tuhan Maha Besar yang menjadikan sekalian alam dan yang mesti dipertuhani dan ada kehidupan akhirat, serta ada tanggungjawab manusia kepada tuhannya di sana kelak - Sanya itulah guna dan perlunya yang terbesar sekali telah didatangkan manusia membaiki laku perangai atau menjalankan kehidupan yang betul di dunia ini bagi mendapat kebahagiaan dan keselamatan dunia akhirat.

(Dalam bilangan Qalam yang akan datang, Tuan Za’ba akan menulis bertajuk: “Ugama yang Sebenar” – P.Q.)

---

#### Harap dibetulkan

Dalam makalah tuan Zaaba yang lalu ada beberapa kesilapan cetak:

Muka	Ruangan	Baris	Salah	Betul
12	1	14	halnya	halanya
13	1	10	dirinya	diberinya
			hampin	memimpin
		17	taat	taati
		21	yang pertama	yang utama
		27	pertubuhannya	perhubungannya
14	1	21	diikut	mengikut itu
14	1	22	kejahatan	jahatnya
	2	11	layatānahūn	layatanāhūn
15		16	kebaikan	membaiakan
		17	ia telah	buang “telah” itu